

Headline	Cungkil bakat tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	431 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hanisah Selamat	AdValue	RM 14,592
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,775



# Cungkil bakat tempatan

» *FDKL cari karya asli pengkarya muda, peluang drama disiarkan TV3*

Oleh **Hanisah Selamat**

**T**idak ada hadiah yang lebih hebat apabila karya pemenang utama pertandingan drama pendek sempena Festival Drama Kuala Lumpur (FDKL) akan disiarkan TV3, tahun depan selain wang tunai RM10,000.

Ganjaran berharga itu bagi mencungkil bakat pengkarya muda selain mahu berkongsi pengisian bahan yang menjadi pilihan ramai bersama khalayak.

Lebih istimewa, karya bergelar juara diumumkan berpeluang dikembangkan plot sebagai drama jika ia menepati kriteria karya asli dan bagus.

Pengurus Besar Kumpulan Jenama Pengurusan Jenama TV3, Siti Nurlisia Mohd Nazri berkata, pihaknya menyediakan landasan kepada semua orang menzahirkan kisah kegemaran yang mungkin selama ini disimpan sedangkan ia boleh memberi kesan dalam hidup insan lain.

"Tempoh video yang ditetapkan hanya lima minit. Peserta boleh memilih apa saja bahan atau pengisian. Setiap penyertaan akan

diadili panel juri yang akan dipertanggungjawab menilai setiap bahan. Andai individu berpengalaman mahu mencuba nasib, anda dipersilakan.

"Bukan hanya wang tunai,

peluang disiarkan stesen TV yang mempunyai jumlah penonton yang besar menjadi ganjaran idaman ramai. Kita jangka ramai yang ingin mencuba nasib," katanya ketika ditemui pada sidang media FDKL, baru-baru ini.

Bersandarkan keperluan, tempoh rakaman video lima minit itu perlu bertemakan kehidupan, percintaan dan komedi atau berkisar realiti kehidupan masyarakat di negara ini. Semua penyertaan boleh dihantar ke laman [www.veedo.my](http://www.veedo.my).

Pengurus Besar Kumpulan Pemasaran Kreatif dan Komunikasi Media Prima Berhad, Nini Yusof berkata, pihaknya berharap melihat idea baru yang lebih segar selain mahu golongan amatir berani meluahkan kebolehan diri.

"Kita dapat lihat kebanyakan video di YouTube, malah angkanya semakin berganda apabila tiba musim perayaan. Ini sesuatu yang merugikan andai bahan rakaman yang bagus disimpan begitu saja.

Inilah peluang mereka menonjolkan kreativiti," katanya.

Selain juara, hadiah menarik berjumlah RM5,000 bakal dibawa pulang naib johan, manakala peserta tempat ketiga akan menerima RM3,000.

**Rosyam kongsi pengalaman**

FDKL yang juga acara julung kali diadakan, direalisasikan dengan kerjasama ramai karyawan industri kreatif termasuk pengarah, penulis skrip, pelakon dan pengacara.

Bagi menyemarakkan acara, TV3 bersama TV9 merancang melancarkan siri jelajah ke institut pengajian tinggi (IPT) terpilih di seluruh negara bermula 2 Disember depan.

Sebagai pelengkap dan menjadikan pengisian FDKL lebih bermakna, TV3 menganjurkan bengkel

kendalian penggiat seni berpengalaman seperti Datuk Rosyam Nor, Khabir Bhatia, Isma Yusof dan Ahmad Idham.

Mereka akan berkongsi ilmu secara teori dan praktikal melalui empat kategori berbeza iaitu dari segi pengarah, penulisan, skrip dan lakonan serta kandungan serta muzik.

Bagi Rosyam, dia sedia berkongsi pengalaman menceburi arena lakonan dengan semangat juang yang menjadi pegangan diri selama ini.

"Lakonan adalah perniagaan. Ia bukan seni kreatif semata-mata. Ini bermakna saya menjual bakat yang memerlukan saya menawarkan sesuatu untuk membolehkan khalayak terus melihat lakonan saya," katanya yang sinonim dengan watak Catello dan terbaru, Tailong dalam *KL Gangster 2*.

Headline	Cungkil bakat tempatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	431 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hanisah Selamat	AdValue	RM 14,592
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,775

**INFO**

**Jadual bengkel FDKL**

- Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Universiti Selangor (UNISEL) - **2 Disember**
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) - **4 Disember**
- Kolej Universiti Shahputra (UCSA) dan Kolej Antarabangsa IKIP - **6 Disember**
- Universiti Teknologi MARA (UiTM) Lendu, Melaka dan Universiti Multimedia Melaka (MMU) - **10 Disember**
- Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Johor dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Johor - **12 Disember**
- Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang - **16 Disember**



Dari kiri; Nini, Isma, Ahmad Idham, Siti Nurlisia dan Rosyam Nor pada sidang akhbar **Drama Festival KL** di Twenty One Tables + Terrace, Bangsar shopping Centre. [FOTOHALIMATON SAADIAH SULAIMAN/ BH ]